



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/08/80 (HQ)

TNB BAIKI RUMAH MILIK SARASWATHY BAWAH PROJEK MESRA RAKYAT

Kehidupan Puan Sarawaswathy A/P Suppiah, 47 tahun, kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kampung Pandan, Kuala Lumpur menerusi Projek Mesra Rakyat Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Melalui Projek Mesra Rakyat TNB, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih berinding rumah yang baru, membaiki siling rumah, membina tandas dan dapur yang baru. Di samping itu, turut dilaksanakan ialah kerja-kerja mengecat semula dinding luar dan dalam rumah.

Rumah Puan Saraswathy yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna Kuala Lumpur), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Ahmad Barodi Che Noh. Beliau juga berkata Projek Mesra Rakyat adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran yang memerlukan.

Golongan sasaran projek ialah calon-calon India dan Cina terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diperuntukkan dua (2) buah rumah untuk dibaik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Kuala Ampang dan satu lagi di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

Dikeluarkan di Kampung Pandan, Kuala Lumpur pada 15 Ogos 2016

Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) atau Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320

media@tnb.com.my